



**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
27 Safar 1442 / 15 Oktober 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Khamis, 27 Safar 1442H bersamaan 15 Oktober 2020M, setakat jam 12:00 tengah hari.

Ringkasan Kes

| Kes Baru Hari Ini | Jumlah Keseluruhan Kes | | |
|----------------------------|-------------------------------|-----------------|---------------|
| 0 | 147 | | |
| Kes Sembuh Hari Ini | Kes Aktif | Kematian | Sembuh |
| 0 | 1 | 3 | 143 |

| Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 | Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan |
|--|---|
| Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (162 hari yang lalu) | 6 Kes |

Ringkasan Pengasingan Diri

| Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori | Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
|--|---|
| 311 | 6,963 |

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

| Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam | Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020) |
|---|--|
| 650 sampel | 63,896 |

2. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian saringan SARS-COV-2 (*swab test*), terutama sekali mereka yang ingin membuat perjalanan keluar negeri hendaklah menjalankan ujian saringan SARS-COV-2, 3-5 hari (tiga ke lima hari) sebelum tarikh penerbangan mereka – tertakluk kepada syarat-syarat negara yang akan dituju. Hasil bagi ujian berkenaan akan mengambil masa dan orang ramai hendaklah bersabar untuk mendapatkan keputusan ujian mereka.
3. Orang ramai yang ingin mendapatkan ujian SARS-CoV-2 swab bagi perjalanan keluar negeri boleh mendapatkan ujian tersebut di lokasi dan waktu tersebut di bawah:

| Lokasi | Hari Beroperasi | Waktu operasi bagi pengambilan Ujian COVID-19 |
|---|--|---|
| Pusat Kesihatan Berakas | Isnin – Khamis & Sabtu (Kecuali Hari Kelepasan Awam – <i>lihat di bawah</i>) | 8:00 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:00 petang – 4:00 petang |
| | Setiap hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam | 2:00 petang – 5:30 petang |
| Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha | Setiap Hari *Tutup pada hari kelepasan awam | 7.00 pagi – 10.00 malam |

4. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui **aplikasi Bruhealth**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/1

Tarikh : 27 Safar 1442H / 15 Oktober 2020M